

Sumber Elektrik					
1	Sumber elektrik dalam sel elektrolisis berfungsi untuk menghasilkan arus elektrik bagi menjalankan elektrolisis				
2	Elektrolisis tidak akan berlaku jika tiada arus elektrik yang mengalir melalui elektrolit				
3	Elektrod ialah konduktor elektrik yang disambung pada bateri dan membolehkan arus elektrik masuk atau keluar elektrolit semasa proses elektrolisis Elektrod yang disambung pada terminal positif sumber elektrik dikenali anod Elektrod yang disambung pada terminal negatif sumber elektrik dikenali katod				
4	Elektrolit ialah bahan yang dapat mengalirkan arus elektrik dalam keadaan leburan dan akueus dan mengalami perubahan kimia Bukan elektrolit ialah bahan yang tidak dapat mengalirkan arus elektrik dalam keadaan leburan dan akueus				
5	Elektrolit merupakan sebatian ion dalam keadaan leburan atau akueus yang terdiri daripada ion positif, kation dan ion negatif, anion Contohnya: natrium klorida ialah elektrolit yang merupakan sebatian ion yang terdiri daripada ion natrium, Na^+ (ion yang bercas positif) dan ion klorida, Cl^- (ion yang bercas negatif) $\text{NaCl} \longrightarrow \text{Na}^+ + \text{Cl}^-$				
6	Contoh-contoh elektrolit dan bukan elektrolit <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Contoh elektrolit</th><th style="text-align: center;">Contoh bukan elektrolit</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td> - Leburan plumbum(II) bromida, PbBr_2 - Leburan natrium klorida, NaCl - Larutan natrium hidroksida, NaOH - Larutan kuprum(II) sulfat, CuSO_4 </td><td> - Naftalena, C_{10}H_8 - Asetamida, CH_3CONH_2 - Larutan glukosa, $\text{C}_6\text{H}_{12}\text{O}_6$ - Etanol, $\text{C}_2\text{H}_5\text{OH}$ </td></tr> </tbody> </table>	Contoh elektrolit	Contoh bukan elektrolit	- Leburan plumbum(II) bromida, PbBr_2 - Leburan natrium klorida, NaCl - Larutan natrium hidroksida, NaOH - Larutan kuprum(II) sulfat, CuSO_4	- Naftalena, C_{10}H_8 - Asetamida, CH_3CONH_2 - Larutan glukosa, $\text{C}_6\text{H}_{12}\text{O}_6$ - Etanol, $\text{C}_2\text{H}_5\text{OH}$
Contoh elektrolit	Contoh bukan elektrolit				
- Leburan plumbum(II) bromida, PbBr_2 - Leburan natrium klorida, NaCl - Larutan natrium hidroksida, NaOH - Larutan kuprum(II) sulfat, CuSO_4	- Naftalena, C_{10}H_8 - Asetamida, CH_3CONH_2 - Larutan glukosa, $\text{C}_6\text{H}_{12}\text{O}_6$ - Etanol, $\text{C}_2\text{H}_5\text{OH}$				

Latihan Prestasi (Pengukuhan terhadap terma)

1 Nyatakan maksud bagi terma-terma berikut:

a) **Elektrolisis**

.....

.....

b) **Anod**

.....

c) **Katod**

.....

d) **Kation**

.....

e) **Anion**

.....

f) **Elektrod**

.....

g) **Elektrolit**

.....

.....


2 Nyatakan perubahan tenaga terlibat dalam sel elektrokimia berikut:

a) **Sel elektrolitik** :

b) **Sel kimia** :

3 Labelkan sel elektrolitik berikut dengan menggunakan perkataan yang diberikan.

Anod	Kation	Anion	Katod
Bateri	Reostat	Elektrolit	



Sel Elektrolitik

4 Nyatakan anion dan kation bagi elektrolit berikut:

Elektrolit	Anion	Kation
Leburan plumbum(II) bromida		
Leburan natrium klorida		
Larutan kuprum(II) sulfat		
Larutan natrium hidroksida		

Contoh: (untuk jenis larutan sahaja)
Larutan argentum nitrat, AgNO_3

Larutan mempunyai ion-ion berikut:	
Kation (ion bercas positif)	Anion (ion bercas negatif)
Ion hidrogen, H^+	Ion hidroksida, OH^-
Argentum nitrat	
Ion argentum, Ag^+	Ion nitrat, NO_3^-

Maka ion-ion positif (kation) ialah = H^+ dan Ag^+
ion-ion negatif (anion) ialah = OH^- dan NO_3^-